



VOLUME
03



SOCYPHER

Platform Dinamik Meningkatkan Literasi Digital Media

Oleh: Siti Nasarah Ismail, Efina Hamdan & Muhammad Nabihan Abu Bakar

Sebuah program akademik iaitu Program Socypher anjuran pelajar Semester 5, Diploma Komunikasi dan Media, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Kampus Rembau telah diadakan pada 17 dan 18 Disember 2024, bertempat di Dewan Biduanda, UiTM Kampus Rembau, Negeri Sembilan. Perkataan Socypher merujuk kepada society, cyberspace, privacy, ethical dan responsibility. Program ini dianjurkan sebagai memenuhi keperluan subjek Projek Profesional dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan etika penggunaan media sosial, privasi, serta pengurusan maklumat dalam dunia media digital. Program ini diadakan selari dan bertepatan dengan saranan dan inisiatif kerajaan dalam menangani masalah salah laku berkaitan penggunaan media digital seperti buli siber, pancingan data (phishing), penipuan (scamming) dan sexting.

Program Socypher ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat, termasuk warga UiTM Kampus Rembau, yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, dan kakitangan universiti seramai

lebih 1000 orang. Selain itu, program ini juga turut menerima kehadiran pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat Rembau dan kawasan sekitar.

Objektif utama penganjuran program Socypher ini adalah untuk memberi penekanan terhadap kepentingan menjaga etika dan privasi dalam dunia media digital, dan tanggungjawab pengguna terutamanya generasi muda ketika menggunakan teknologi tersebut.

Melalui program ini, peserta juga didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan penting yang berkaitan dengan keselamatan siber, pengurusan maklumat media digital, serta penggunaan media sosial secara beretika. Pelbagai pengisian program telah disediakan kepada para peserta, antaranya sesi bual bicara bersama Abdul Qawiy bin Abdul Rashit yang merupakan seorang pengengaruh media sosial, sesi ceramah oleh Ts. Ahmad Faizal Rosehaizad wakil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Sembilan yang berkongsi tentang keselamatan siber dan etika media sosial.

Selain itu, terdapat slot ceramah bersama



“

Peserta didedahkan dengan ilmu yang berkaitan dengan keselamatan siber, pengurusan maklumat media digital, serta penggunaan media sosial secara beretika.

wakil dari Cybersecurity Malaysia iaitu Encik Ridzwan Ahmad Mohd Fathil yang berkongsi tentang privasi alam siber. Manakala hari kedua pula slot ceramah tentang teknologi AI dalam penerbitan video disampaikan oleh Tc Sharif Zulkepele Sharif Harun. Selain itu, terdapat juga pertandingan Public Speaking: “Cyber Speak-Off” yang melibatkan 3 juri jemputan luar iaitu Puan Khairul Nizawati binti Amat Mustajab, pegawai perhubungan awam Kementerian Belia & Sukan, Encik Zaki Zainal, pengacara dan hos Astro Arena serta Puan Nor Syazrina Muhammad Tahir, wartawan Sinar Harian.

Sepanjang dua hari Program Socypher berlangsung, sesi pameran buku kanak-kanak bertema literasi media digital yang melibatkan para pelajar semester 4, Diploma Komunikasi dan Media, di bawah subjek Penerbitan turut dianjurkan. Pelbagai gerai jualan dan aktiviti menarik seperti photobooth dan permainan interaktif seperti Nintendo dan PS5 juga disediakan bagi memastikan pengunjung menikmati pengalaman yang menyeronokkan dan berinfomatif.